

17/05/1997

Muzium Islam pameran seni tamadun tinggi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pembinaan Muzium Kesenian Islam di sini bertujuan membuktikan Islam bukan sekadar agama yang menganjurkan ibadah khusus tetapi membabitkan semua aspek kehidupan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, muzium itu akan mempamerkan hasil kerja seni umat Islam terdahulu dan sekarang termasuk yang mendapat pengiktirafan dunia.

Koleksi seni Islam akan dikumpulkan di muzium itu bagi membolehkan umat Islam dan bukan Islam melihat hasil kerja tangan yang sesuai dengan ajaran Islam.

Menurut Perdana Menteri, Islam menggalakkan sesuatu yang indah. Sejak Islam berkembang, kesenian turut berkembang.

"Sebelum ini, apabila disebut seni, ia bertumpu kepada ukiran yang berbentuk tubuh badan manusia dan binatang tetapi Islam melarang ukiran sedemikian kerana orang akan begitu tertarik sehingga mereka sanggup menyembah apa yang diukir mereka.

"Banyak lagi bidang seni yang tidak ada larangan, malah kita digalakkan untuk mengindahkan alam sekeliling. Kita dapati dalam Islam banyak jenis seni yang tidak berbentuk ukiran seperti tulisan khat.

"Kerja seni seumpama itu menunjukkan Islam tidak menghalang perkembangan seni malah ada ulama yang terbabit dalam bidang ini.

"Ini menunjukkan kebesaran serta keindahan agama itu," katanya berucap di majlis menandatangani perjanjian pembinaan dan upacara pecah tanah projek Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini, hari ini.

Projek itu akan berdasarkan seni bina Islam dengan menggunakan kepakaran arkitek dari Isfahan, Iran dan Bukhari, Uzbekistan.

Ia akan dilengkapi dengan kubah yang mengambil rekabentuk kubah as-Sakrah di Masjid al-Aqsa, Baitulmaqdis.

Muzium ini menempatkan artifak serta pusat pembelajaran mengenai kebudayaan, kesenian dan sains Islam.

Perdana Menteri berkata, kesenian Islam berkembang seiring dengan perkembangan agama Islam dan penganut Islam mencipta seni yang sesuai dengan ajaran Islam.

"Ada pendapat yang mengatakan kita tidak perlu kepada seni tetapi ini adalah pendapat cetek kerana manusia mempunyai pelbagai kebolehan dan satu daripadanya ialah menggunakan kecekapan tangan dan akal fikiran supaya kita dapat membentuk sesuatu yang cantik," katanya.

Dr Mahathir turut mengucapkan tahniah kepada Yayasan Albukhary kerana sedia membiayai pembinaan muzium berkenaan tanpa membabitkan bantuan kewangan kerajaan.

Menurutnya, ia adalah bukti kejayaan negara memberi peluang kepada rakyat untuk mencipta kekayaan.

"Mereka sanggup pula menderma untuk pelbagai kegiatan memanfaatkan masyarakat. Saya bagi pihak kerajaan mengucapkan terima kasih kerana sudi membiayai bangunan ini," katanya.

(END)